

## Subsidi LPG ketirisan RM1.17 bilion



### LPG PETROLEUM/GAS

**Kuala Lumpur:** Pengurusan program pemberian subsidi gas petroleum cecair (LPG) tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan sehingga berlaku ketirisan subsidi berjumlah RM1.17 bilion.

Kerugian yang dicatat sehingga 31 Disember 2017 itu disebabkan penggunaan silinder LPG yang disubsidi kerajaan digunakan bukan golongan sasaran seterusnya menyebabkan program berkenaan tidak mencapai objektif.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2018 memaklumkan, wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran subsidi antaranya pembayaran subsidi LPG yang dibuat Perbendaharaan Negara

tanpa menunggu semakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terhadap kesahihan tuntutan.

Selain itu, Perbendaharaan juga tidak mempunyai prosedur operasi standard (SOP) khusus berkaitan pembayaran tuntutan subsidi oleh syarikat pembekal sehingga menyebabkan pembayaran berjumlah RM45.50 juta dibuat bagi tempoh 2015 hingga 2017 kepada syarikat pembekal minyak yang melebihi jumlah sepatutnya dengan proses semakan tuntutan JKDM mengambil masa yang lama di antara 14 hingga 649 hari.

“Berlaku kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan antaranya pelantikan pembekal LPG oleh Perbendaharaan tidak membabitkan sebarang perjanjian atau proses serta kaedah pembayaran subsidi oleh kerajaan kepada syarikat berkenaan,” katanya.

“Aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap syarikat pembekal, pengedar utama dan sub pengedar bagi memastikan pematuhan terhadap akta dan peraturan berkaitan subsidi LPG sukar dilaksanakan kerana tiada

SOP dan sistem khusus dibangunkan bagi melancarkan pengurusan subsidi serta kekangan anggota penguatkuasaan.

“Kegagalan syarikat pemborong dan peruncit LPG untuk menyelenggarakan rekod stok dengan lengkap dan teratur serta terdapat premis pemborong dan peruncit yang tidak mempunyai bukti sudah diperiksa pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP),” katanya.

Dalam laporan itu juga, Kementerian Kewangan dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar jelas mengenai maksud golongan sasaran dan jenis kawalan yang dihasratkan supaya selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam akta kepada

kementerian.

Katanya, Perbendaharaan perlu menjalankan penilaian terhadap keberkesanan program pemberian subsidi LPG bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati golongan sasaran yang ditetapkan dan mengelakkan ketirisan subsidi selain mewujudkan garis panduan yang komprehensif merangkumi proses pelantikan pembekal, tuntutan subsidi oleh pembekal dan pemantauan terhadap rantaian bekalan LPG.

“KPDNHEP perlu meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terutama berkaitan aspek penyelenggaraan rekod, pemeriksaan fizikal secara berkala dan pematuhan terhadap syarat lesen,” katanya.